

20 OCT 1996

Pemuda

ANWAR MENYELIA DAN MENJAGA HAL EHWAL PEMUDA

IPOH, 20 Okt (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim diberi mandat menyelia dan menjaga hal ehwal Pergerakan Pemuda Umno, kata Ketua Pergerakan itu Datuk Ahmad Zahid Hamid hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri yang juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi mandat itu kepada Anwar berikutan pertemuan Exco Pemuda dengan Dr Mahathir di Kuala Lumpur, semalam.

Barisan Exco Pemuda yang baru mengadakan mesyuarat pertamanya semalam dan selepas itu mengunjungi Dr Mahathir, katanya kepada pemberita selepas majlis kesyukuran di atas kemenangannya pada pemilihan parti minggu lepas, di Sekolah Menengah Sains Teluk Intan di Hutan Melintang dekat sini, anjuran Umno Bahagian Bagan Datoh.

Zahid berkata Pergerakan Pemuda amat berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana membuat keputusan itu dan memberi jaminan akan memenuhi harapan Presiden parti menjadikan Pergerakan Pemuda sebagai sayap kanan terpenting parti.

Beliau berkata Dr Mahathir juga akan dijemput untuk memberi amanat pada kursus penyatupaduan Pemuda Umno, yang akan diadakan tidak lama lagi.

Kursus itu, dalam tujuh peringkat, akan bermula dengan kursus ketua-ketua bahagian Pemuda di seluruh negara diikuti kursus untuk naib ketua, setiausaha dan ahli jawatankuasa pergerakan itu.

Beliau juga berkata Pergerakan Pemuda tidak akan membuat perubahan besar dari segi kepimpinan Pemuda di peringkat negeri.

"Mana-mana pemimpin yang layak akan dikekalkan bagi mengelak sebarang jurang perbezaan baik dari segi pendapat dan sebagainya yang dapat mencetuskan perpecahan sesama sendiri," katanya.

Bagaimana, Zahid berkata beberapa negeri dijangka mendapat Ketua Pemuda dan exco negeri baru berikutan beberapa pemimpin negeri kini melebihi had umur 40 tahun.

"Perlantikan itu akan dibuat selepas beliau berunding dan memaklukkannya kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri-negeri berkenaan," katanya.

Beliau berkata setakat ini senarai muka-muka baru sudahpun ada dan masih dalam peringkat pemilihan Pemuda pusat. Pemilihan jawatan itu akan melibatkan jawatan ketua, naib ketua, setiausaha serta pegawai-pegawai yang lain.

Zahid juga berkata selain melaksanakan aktiviti-aktiviti baru, Exco Pemuda akan meneruskan tujuh projek besar yang diperkenalkan bekas Ketua Pemuda Tan Sri Rahim Tamby Chik iaitu Pemimpin Muda Asia Timur, Usahawan Muda Asia, Komanwel Negara-negara Islam. -- BERNAMA

KY NAK